

Belanjawan 2024 wajar laksana inisiatif capai matlamat NIMP 2030

Oleh Prof Madya Dr Md Fauzi Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Kerajaan baru membentangkan Pelan Induk Perindustrian Negara (NIMP 2030), satu pelan induk jangka panjang bertujuan memastikan Malaysia mencapai kedudukan sebagai negara maju mempunyai ekonomi kukuh dan dinamik menjelang 2030.

Oleh itu, Belanjawan 2024 bakal dibentangkan pada 13 Oktober ini sudah tentu perlu dirancang dengan teliti dan strategik untuk menyokong visi dan matlamat NIMP 2030.

Seperti diketahui, NIMP 2030 menekankan peningkatan pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan peralihan kepada industri berteknologi tinggi, maka Belanjawan 2024 perlu memberi tumpuan ke-

pada sektor strategik seperti elektrik & elektronik, kimia, kenderaan hijau (EV), penerbangan, farmaseutikal dan mineral serta logam.

Ini termasuk sokongan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang terbabit, insentif cukai dan kemudahan pembiayaan untuk syarikat dalam sektor berkenaan. Jika mampu meningkatkan daya saing dan kebolehdayaan industri, Malaysia mampu berdiri kukuh di pasaran serantau dan global.

Belanjawan 2024 juga perlu menyediakan dana untuk R&D dalam bidang baharu seperti kecerdasan buatan (AI), robotik, automasi, dan internet kebendaan (IoT). Ini termasuk pemberian insentif kepada syarikat terbabit dalam R&D teknologi tinggi dan penyediaan program latihan untuk meningkatkan kemahiran dalam teknologi baharu.

Pemeriksaan ekonomi rakyat juga aspek penting dalam NIMP 2030, justeru belanjawan nanti perlu menyediakan bantuan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah, mendorong perkembangan usahawan tempatan dan memberikan peluang pe-

kerjaan berkualiti bagi jurang ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Selain itu, pembangunan modal insan berkemahiran tinggi adalah asas kepada pertumbuhan ekonomi mapan maka untuk mencapai matlamat NIMP 2030, Malaysia perlu mempunyai tenaga kerja berkualiti dan mahir.

Kerangka pendidikan lebih berkualiti

Oleh itu, Belanjawan 2024 perlu memastikan pendidikan berkualiti disediakan dari peringkat prasekolah hingga pengajian tinggi. Dana perlu mencukupi perlu disediakan kepada pendidikan dan latihan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) serta Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Ini akan memacu Malaysia mempunyai tenaga kerja berkemahiran tinggi, mampu memenuhi keperluan industri berkenaan dengan teknologi tinggi digariskan NIMP 2030.

Aspek yang tidak boleh diabaikan juga adalah pembangunan infrastruktur maka, Belanjawan 2024 perlu memberi tumpuan kepada pembinaan

dan penyelenggaraan infrastruktur seperti lebuh raya, pelabuhan, lapangan terbang, dan lain-lain.

Pembangunan infrastruktur mapan akan meningkatkan saling hubungan dalam negara dan membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Tidak kurang pentingnya, Belanjawan 2024 perlu mengambil kira cabaran ekonomi global. Dunia terus berubah dengan cepat, dengan cabaran seperti perubahan iklim, ketidakstabilan politik dan ketidakpastian perdagangan antarabangsa.

Belanjawan nanti juga harus mencerminkan strategi ketahanan ekonomi terhadap faktor ini. Ini termasuk pelaburan dalam R&D serta kemampuan untuk beradaptasi dengan perubahan dalam landskap ekonomi global.

Namun, pengurusan kewangan bijak adalah aspek penting dalam Belanjawan 2024. Perlu ada kawalan ketat terhadap penggunaan dana awam, pemantauan prestasi program dan tindakan segera jika terdapat penyalahgunaan.

Tumpuan harus diberikan kepada pelaksanaan program atau dasar dengan penuh cermat dan efisien bagi memaksimumkan manfaat daripada setiap perbelanjaan dikeluarkan.

Malaysia mempunyai akses kepada pasaran serantau yang besar. Justeru, belanjawan perlu menggalakkan eksport produk dan perkhidmatan ke pasaran serantau dengan perjanjian perdagangan lebih baik dan usaha promosi perdagangan lebih aktif.

Ini akan membantu meningkatkan eksport Malaysia dan mencipta lebih banyak peluang perdagangan, selaras dengan matlamat NIMP 2030 untuk memperluaskan rangkaian perniagaan global.

Kesimpulannya, Belanjawan 2024 perlu diselaras dengan matlamat jangka panjang, pemerksaan industri, pembangunan infrastruktur, pemerksaan ekonomi rakyat, pendidikan dan kemahiran, serta cabaran ekonomi global, serta mencapai kedudukan sebagai negara maju berdaya saing dan sejahtera menjelang 2030.

“Pembangunan infrastruktur mapan akan meningkatkan saling hubungan dalam negara dan membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi”

Pensyarah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia